

PENGGUNAAN KONSEP ISTIBDAL BAGI PENYELESAIAN
PENCEROBOHAN TANAH WAKAF BERBENTUK PENEMPATAN
DI NEGERI PERAK

HAZIQ FARIS BIN ARIS

Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah
Universiti Teknologi Malaysia

JUN 2016

DEDIKASI

“Segala Puji-Pujian Hanyalah Bagi Allah S.W.T Tuhan Sekalian Alam. Salam Ke Atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W”

*Ditujukan khas kepada Abah, Mama, kakak dan keluarga yang tercinta,
Terima kasih di atas segala pandangan, nasihat, sokongan moral dan pengorbanan
yang dicurahkan tanpa henti*

*Buat teman seperjuangan yang dikasihi
Terima kasih di atas segala sokongan, galakan dan bantuan yang selalu diberikan
tanpa mengira masa dan ketika*

Terima kasih

Terima kasih

*Terima kasih di atas segalanya,
Hanya Allah sahaja yang dapat membalas segala jasa kalian*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah s.w.t di atas segala limpah kurnia serta dengan izinNya kerana telah memberikan saya kekuatan dan ketabahan dalam mengharungi segala kesulitan dan kepayahan dalam menyiapkan penulisan projek sarjana ini. Pertamanya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia projek sarjana iaitu Dr. Robiah Binti Suratman di atas segala tunjuk ajar, panduan, nasihat dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh penyelidikan projek sarjana ini. Tanpa segala tunjuk ajar dan bimbingan tidak mungkin saya berjaya menyiapkan penulisan projek sarjana ini.

Keduanya, saya juga ingin merakamkan sekalung budi dan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya dan keluarga yang lain yang telah banyak berkorban dalam memberikan sokongan tanpa erti jemu, dorongan padu dan motivasi kepada saya untuk terus belajar dan jangan mudah mengalah dalam mengharungi suka duka melanjutkan pengajian dalam peringkat sarjana. Selain itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) yang banyak memberikan maklumat dan data yang berkaitan dengan kajian saya ini. Segala kerjasama dan komitmen yang telah diberikan amatlah dihargai.

Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada semua pensyarah dan teman seperjuangan yang banyak berkongsi suka duka dalam mengharungi pengajian selama empat semester bersama-sama. Akhir kalam, ucapan penghargaan dan terima kasih ditujukan kepada semua yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung dalam memberikan bantuan serta kerjasama kepada saya sehingga saya dapat menyempurnakan projek sarjana ini dengan jayanya.

Sekian, Terima Kasih.

ABSTRAK

Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk) adalah pemegang amanah tunggal yang dipertanggungjawabkan bagi menguruskan kira-kira 2817 lot tanah wakaf seluas kira-kira 6,341.5069 hektar (15,670.2060 ekar) di seluruh negeri Perak. Tanah wakaf juga terdedah kepada pencerobohan daripada pihak yang tidak bertanggungjawab yang akan menjejaskan niat asal pewakaf dan manfaat wakaf tersebut kepada masyarakat Islam. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti bentuk dan punca pencerobohan tanah wakaf serta melihat tahap kefahaman asas responden mengenai pencerobohan tanah wakaf disamping mengkaji penggunaan konsep Istibdal sebagai penyelesaian pencerobohan tanah wakaf bagi tujuan penempatan di Negeri Perak. Kajian telah dijalankan kepada responden daripada MAIPk, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Negeri Perak dan Pejabat Daerah dan Tanah melalui edaran borang soal selidik dan juga temubual khas. Hasil kajian mendapati pencerobohan tanah wakaf berbentuk penempatan kerap berlaku dan lebih sukar ditangani berbanding bentuk pencerobohan yang lain. Selain itu, tinjauan mendapati penggunaan konsep Istibdal dalam mengatasi masalah pencerobohan tanah wakaf berbentuk penempatan boleh dilaksanakan di Negeri Perak dengan kerjasama yang erat di antara MAIPk dan Pentadbiran Tanah Negeri. Hasil kajian ini boleh dijadikan asas untuk penambahbaikan penggunaan konsep Istibdal dalam menangani masalah pencerobohan tanah wakaf pada masa hadapan.

ABSTRACT

Perak Malay Customs and Islamic Religious Council (MAIPk) is the sole trustee responsible for managing almost 2817 lots of waqf lands (endowment) with the total area of approximately 6,341.5069 hectares (15,670.2060 acres) across the State of Perak. Waqf land is also prone to unlawful occupation by the third party that will affect the original intent of the endowment (*waqif*) and as a result will also affect its benefits towards other Muslims. Therefore, this study was undertaken to identify the nature and source of unlawful occupation of waqf land and to determine level of respondent understanding about unlawful occupations of waqf land and lastly to investigate the use of Istibdal concept as a solution to prevent unlawful occupations on waqf land in State of Perak. This study was conducted on respondents from MAIPk, Office of the Director of Lands and Mines Perak and District and Land Office throughout the distribution of questionnaire and also interviews. The study has found that unlawful occupation in the form of placement are more frequent to happen on waqf land and are more difficult to handle compare to other form of land encroachment. In addition, this study has found out that the use of Istibdal concept to treat the encroachment of waqf land in form of placement can be implemented with close cooperation between MAIPK, Office of the Director of Lands and Mines Perak and District and Land Office. The results of this study could be use for improving execution of the Istibdal concept to prevent encroachment on waqf land in the future.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKASURAT
	JUDUL TESIS	i
	PENGAKUAN	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	ISI KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xiv
	SENARAI SINGKATAN	xvii
	SENARAI LAMPIRAN	xviii
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Isu dan Penyataan Masalah	3
	1.3 Matlamat Kajian	6
	1.4 Objektif Kajian	6
	1.5 Skop Kajian	7
	1.6 Kepentingan Kajian	7
	1.6.1 Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)	8
	1.6.2 Agensi-agensi Kerajaan Berkaitan	8
	1.6.3 Masyarakat Awam	9
	1.6.4 Ahli Akademik	10

1.7	Metodologi Kajian	10
1.7.1	Peringkat Kajian Awalan	10
1.7.2	Peringkat Kajian Literatur	11
1.7.3	Peringkat Kajian Lapangan	11
1.7.4	Peringkat Analisa Data	12
1.7.5	Peringkat Penemuan Kajian dan Cadangan	12
1.8	Susunatur Bab	14
2	KONSEP PENCEROBOHAN TANAH WAKAF	16
2.1	Pengenalan	16
2.2	Definisi	17
2.2.1	Definisi Tanah Kerajaan	17
2.2.2	Definisi Harta Wakaf	19
2.2.3	Definisi Tanah Wakaf	21
2.2.4	Konsep Istibdal	22
2.2.4.1	Pandangan Mazhab Hanafi	23
2.2.4.2	Pandangan Mazhab Maliki	24
2.2.4.3	Pandangan Mazhab Syafie	24
2.2.4.4	Pandangan Mazhab Hanbali	25
2.3	Pencerobohan Tanah Wakaf	26
2.3.1	Takrifan Pencerobohan	26
2.3.2	Kategori Pencerobohan	27
2.3.3	Bentuk Pencerobohan	28
2.3.3.1	Pencerobohan Bagi Tujuan Pertanian	28
2.3.3.2	Pencerobohan Bagi Tujuan Penempatan	29
2.3.3.3	Pencerobohan Bagi Tujuan Perusahaan	30
2.4	Punca-Punca Pencerobohan	32
2.4.1	Faktor Ekonomi	32
2.4.2	Faktor Sosial	33

2.4.3	Faktor Perundangan	34
2.5	Pihak Berkepentingan Berkaitan Pencerobohan	36
2.5.1	Pejabat Daerah dan Tanah (PDT)	36
2.5.2	Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (PTG) Negeri	38
2.5.3	Majlis Agama Islam Negeri (MAIN)	39
2.6	Perundangan Berkaitan Pencerobohan	40
2.6.1	Peruntukan Kanun Tanah Negara (KTN)	40
2.6.2	Peruntukan Undang-Undang Sivill	41
2.6.3	Peruntukan Enakmen Wakaf Negeri	43
2.7	Kaedah Penyelesaian Pencerobohan Berdasarkan KTN 1965	46
2.7.1	Penguatkuasaan	46
2.7.2	Pemberimilikan	48
2.7.3	Pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara (LPS)	49
2.7.4	Pajakan Tanah Rizab	50
2.8	Kaedah Penyelesaian Pencerobohan Berdasarkan Enakmen Wakaf Negeri	51
2.9	Kesimpulan	55
3	PENCEROBOHAN TANAH WAKAF DI NEGERI PERAK	57
3.1	Pengenalan	57
3.2	Latar Belakang Negeri Perak	59
3.3	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)	61
3.3.1	Objektif, Visi dan Misi MAIPk	63
3.3.2	Struktur Organisasi MAIPk	64
3.3.3	Struktur Organisasi Bahagian Hartanah dan Pelaburan	68
3.4	Pengurusan Tanah Wakaf Di Negeri Perak	71

3.5	Penggunaan Konsep Istibdal Dalam Mengatasi Pencerobohan Tanah Wakaf Di Negeri Perak	73
3.5.1	Lot 1032 dan 1033, Mukim Hulu Bernam Timur, Daerah Mualim	75
3.5.2	Lot 6195, Mukim Batu Kurau, Daerah Larut, Matang dan Selama	83
3.5.3	Lot 448, Mukim Tupai, Daerah Larut, Matang dan Selama	89
3.5.4	Lot 4623, Mukim Lenggong, Daerah Hulu Perak	93
3.6	Kesimpulan	97
4	ANALISA PENCEROBOHAN TANAH WAKAF DI NEGERI PERAK	98
4.1	Pengenalan	98
4.2	Pelaksanaan Kajian	99
4.2.1	Kaedah Pengumpulan Data	99
4.2.2	Pemilihan dan Bilangan Sampel	100
4.2.3	Pembentukan Borang Soal Selidik	102
4.2.4	Pembentukan Borang Temubual	103
4.3	Kaedah Analisa	104
4.4	Analisa Bentuk dan Punca Pencerobohan Tanah Wakaf	105
4.4.1	Demografi Responden	106
4.4.2	Kefahaman Mengenai Tahap Pencerobohan Tanah Wakaf	109
4.4.2.1	Kefahaman Asas Mengenai Tanah Wakaf	109
4.4.2.2	Kefahaman Mengenai Punca dan Bentuk Pencerobohan Tanah Wakaf	110

4.4.2.3	Kefahaman Mengenai Bentuk Penyelesaian Pencerobohan Tanah Wakaf	112
4.4.3	Pandangan dan Cadangan Penambahbaikan	114
4.5	Analisa Penggunaan Konsep Istibdal Bagi Penyelesaian Pencerobohan Tanah Wakaf	116
4.5.1	Proses Istibdal Tanah Wakaf Bagi Mengatasi Pencerobohan Berbentuk Penempatan	119
4.5.2	Kelebihan Penggunaan Konsep Istibdal Tanah Wakaf	122
4.5.2.1	Pengekalan Aset Wakaf dan Tujuan Wakaf	122
4.5.2.2	Mengelakkan Pembaziran Wang Kerajaan	124
4.5.3	Halangan Di Dalam Penggunaan Konsep Istibdal Tanah Wakaf	126
4.5.3.1	Kekurangan Tanah Kerajaan Yang Bersesuaian	126
4.5.3.2	Proses Istibdal Mengambil Masa Yang Lam Untuk Diselesaikan	128
4.6	Kesimpulan	130
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	131
5.1	Pengenalan	131
5.2	Penemuan Kajian	132
5.2.1	Pencapaian Objektif Pertama	132
5.2.2	Pencapaian Objektif Kedua	133
5.2.3	Pencapaian Objektif Ketiga	133
5.3	Cadangan Penambahbaikan	134

5.3.1	Meningkatkan Kerjasama Di Antara PTG Perak, PDT dan MAIPk	134
5.3.2	Mengadakan Taklimat Kesedaran Kepada Agensi Kerajaan Dan Orang Awam Mengenai Tanah Wakaf	135
5.3.3	Mewujud dan Mengemaskini Maklumat Tanah Wakaf Dalam Sistem Pengkalan Data	137
5.3.4	Menambahkan Kakitangan Bagi Menguruskan Tanah Wakaf	138
5.3.5	Mengadakan Dasar Penukaran Perizaban Kepada Pemberilikan Tanah Wakaf	139
5.3.6	Penggantian Tanah (Istibdal) Dengan Unit-Unit Bangunan Yang Dibangunkan Oleh Agensi Kerajaan Negeri Yang Lain	140
5.4	Limitasi Kajian	141
5.4.1	Maklumbalas Responden	141
5.4.2	Lokasi Kajian Kes	142
5.4.3	Kekangan Tugasan Hakiki	142
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	143
5.6	Kesimpulan	144
	RUJUKAN	146 - 148
	Lampiran A	149 – 152
	Lampiran B	153 - 156

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKASURAT
2.1	Remidi / Hukuman Kerana Menceroboh Tanah Wakaf Mengikut Enakmen Negeri Masing-Masing	44
2.2	Seksyen Di Dalam Enakmen Wakaf Negeri Yang Memperuntukkan Konsep Istibdal	53
3.1	Keluasan Dan Jumlah Penduduk Mengikut Daerah Di Negeri Perak	60
3.2	Undang-Undang / Enakmen Berkaitan Pentadbiran Agama Islam Dan Adat Melayu Perak	62
3.3	Senarai Penuh Ahli-Ahli Majlis MAIPk	64
3.4	Jumlah Keluasan Bagi Tanah Wakaf MAIPk di Negeri Perak	71
3.5	Jumlah Keseluruhan Lot Tanah Wakaf MAIPk Di Negeri Perak	72
3.6	Lokasi-Lokasi Tanah Wakaf Yang Telah Diceroboh	73
4.1	Pecahan Sampel Responden Mengikut Agensi	101
4.2	Justifikasi Pembentukan Borang Soal Selidik	102
4.3	Justifikasi Pembentukan Borang Temubual	103
4.4	Senarai Responden Yang Terlibat Dalam Sesi Temubual	105

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKASURAT
1.1	Carta Alir Metodologi Kajian	13
2.1	Empat Rukun Yang Perlu Dipenuhi Dalam Mewujudkan Harta Wakaf	20
2.2	Gambar Pencerobohan Tanah Wakaf Berbentuk Perusahaan (Bengkel Membaiki Kenderaan) Di Atas Lot 11030, Mukim Hulu Kinta, Daerah Kinta.	31
2.3	Contoh Carta Organisasi bagi Unit Teknikal dan Penguatkuasaan di Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Perak	37
3.1	Peta Negeri Perak Darul Ridzuan	59
3.2	Objektif, Visi Dan Misi MAIPk	63
3.3	Carta Organisasi MAIPk	67
3.4	Carta Organisasi Bahagian Hartanah Dan Pelaburan MAIPk.	69
3.5	Carta Organisasi Unit Hartanah MAIPk.	70
3.6	Pelan Lokasi Kawasan Kajian Bagi Pencerobohan Tanah Wakaf Bagi Tujuan Penempatan	74
3.7	Instrumen Pindahmilik Tanah Lot 1032 Dan Lot 1033 Sebagai Wakaf Daripada Mohamed Daud Bin Mohamed Sidek (Penghulu Mukim Tanjong Malim) Kepada MAIPk Bagi Tujuan Tanah Wakaf Saraan Masjid Jamek Tanjong	

	Malim Dan Tanah Wakaf Saraan Masjid Kampung Kelawar.	76
3.8	Pelan Lokasi Lot 1032 Merupakan Tanah Wakaf Saraan Masjid Jamek Tanjong Malim Dan Lot 1033 Yang Merupakan Tanah Wakaf Saraan Masjid Kampung Kelawar.	77
3.9	Salinan Hakmilik GM1177 Lot 3561 Dan Lot 3562 (Lot Lama 1032) Yang Merupakan Tanah Wakaf Saraan Masjid Jamek Tanjong Malim.	78
3.10	Gambar Tadika KEMAS, Dewan Orang Ramai Dan Rumah Penduduk Kampung	79
3.11	Pelan Lokasi Lot 6195 Seluas 4.293 Ekar Yang Merupakan Tanah Wakaf Perkuburan Sungai Ara, Batu Kurau.	84
3.12	Warta Kerajaan No. 1581 Bertarikh 26 November 1954.	85
3.13	Gambar Tanah Wakaf Perkuburan Kg. Sungai Ara Dan 5 Buah Rumah Yang Telah Dibina Tanpa Kebenaran Daripada MAIPk.	86
3.14	Pelan Lokasi Lot 448 Seluas 7.375 Ekar Yang Merupakan Tanah Wakaf Perkuburan Islam Kg. Jambu.	90
3.15	Warta Kerajaan No. 4101 Bertarikh 10 September 1920.	91
3.16	Gerai Makan, Bangsal Meletak Kenderaan, Tiga Buah Rumah Kediaman Dan Sebuah Bangunan Tinggal Di Atas Lot 448 Yang Merupakan Tanah Wakaf Perkuburan Islam Kg. Jambu	92
3.17	Pelan Lokasi Lot 4623 Seluas 0.946 Ekar Yang Merupakan Tanah Wakaf Masjid Kg. Gelok, Mukim Lenggong, Daerah Hulu Perak	94

3.18	Warta Kerajaan No. 6169 Bertarikh 24 Disember 1937.	95
3.19	Masjid Kg. Gelok Telah Dibina Di Atas Lot 9065, Kg Gelok, Mukim Lenggong.	95
3.20	Gambar Dua Buah Gerai Makanan, Dewan Orang Ramai Dan Perpustakaan Desa Yang Berada Di Atas Tanah Wakaf Masjid Kg. Gelok, Mukim Lenggong	96
4.1	Jantina dan Umur Responden	106
4.2	Tempat Berkhidmat dan Skim Perkhidmatan Responden	107
4.3	Tahap Pendidikan Tertinggi dan Tempoh Perkhidmatan Responden	107
4.4	Tempoh Perkhidmatan Responden Mengikut Tempat Berkhidmat	108
4.5	Nilai Purata Skor Kefahaman Mengenai Tanah Wakaf	110
4.6	Punca dan Bentuk Pencerobohan Tanah Wakaf	112
4.7	Bentuk Penyelesaian Pencerobohan Tanah Wakaf	113
4.8	Pandangan Umum Responden Mengenai Pencerobohan Tanah Wakaf	116
4.9	Carta Alir Proses Istibdal Bagi Mengatasi Masalah Pencerobohan Berbentuk Penempatan	121
4.10	Carta Alir Proses Pemberimilikan atau Perizaban Tanah Gantian kepada MAIPk Setelah Keputusan PBN Diperolehi	129

SENARAI SINGKATAN

APT	-	Akta Pengambilan Tanah 1960
JKKK	-	Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung
JUPEM	-	Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia
KTN	-	Kanun Tanah Negara 1965
LMS	-	Larut, Matang dan Selama
MAIN	-	Majlis Agama Islam Negeri
MAIPk	-	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak
PBN	-	Pihak Berkuasa Negeri
PBT	-	Pihak Berkuasa Tempatan
PDT	-	Pejabat Daerah dan Tanah
PTG	-	Pejabat Tanah dan Galian
PTP	-	Pesuruhjaya Tanah Persekutuan
PW	-	Pelan Warta
RELA	-	Jabatan Sukarelawan Malaysia
RPT	-	Rancangan Perkampungan Tersusun
RTB	-	Rancangan Tanaman Berkelompok
SAR	-	Sekolah Agama Rakyat
PBD		Pegawai Baitumal Daerah
PPT	-	Penolong Pegawai Tanah (Pegawai Penempatan)
PTP	-	Kaedah-Kaedah Tanah Perak 1966 (Pindaan 2010)
SUK	-	Setiausaha Kerajaan Negeri
YB	-	Yang Berhormat

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	149 - 152
B	Borang Temubual	153 - 156


BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada masa kini, tanah telah menjadi satu aset yang berharga kerana proses pembangunan tanah sentiasa meningkat manakala penawaran tanah bagi tujuan pembangunan dilihat semakin berkurangan dan terhad. Ini dapat dibuktikan dengan melihat hampir semua pembangunan tanah bagi tujuan pertanian, perumahan, perindustrian, perniagaan, pembinaan rumah-rumah ibadat dan tanah perkuburan memerlukan tanah sebagai medium perlaksanaannya. Khasanah (2009) dalam kajiannya telah menyatakan bahawa isu pencerobohan tanah kerajaan secara haram atau tanpa mendapat kebenaran yang sah daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bagi tujuan pertanian, penempatan dan perusahaan adalah satu isu yang telah lama berlaku dan masih berlaku sehingga kini walaupun terdapat usaha-usaha yang telah dilakukan oleh pihak Kerajaan untuk membendung gejala yang tidak bertanggungjawab ini. Menurutnya lagi, penceroboh tanah kerajaan ini telah menjalankan aktiviti penerokaan bagi tujuan tersebut sejak bertahun-tahun lamanya tanpa membayar sebarang hasil kepada PBN dan menyebabkan ketirisan hasil kepada PBN.

Pencerobohan terhadap tanah wakaf juga tidak terkecuali di dalam perkara ini kerana tanah wakaf yang telah dilupuskan kepada Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) melalui proses perizaban atau pemberimilikan atau diperolehi oleh MAIN secara pindahmilik atau perletakanhak juga merupakan sebahagian daripada tanah kerajaan berdasarkan Seksyen 425 KTN sekiranya diceroboh. Menurut Mohd Afendi (2012) pencerobohan tanah wakaf ini telah lama berlaku dan bukanlah perkara yang baru di dalam permasalahan pencerobohan tanah kerajaan di negara kita. Acap kali pencerobohan tanah wakaf kurang diberi perhatian oleh masyarakat tetapi jika dibiarkan berterusan ianya dikhuatiri akan bertambah parah dan sukar untuk dibendung. Selain itu, daripada konteks hukum syarak, pencerobohan tanah wakaf adalah ditegah di dalam Islam berdasarkan firman Allah S.W.T :-



Maksudnya : Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang bathil dan (janganlah) kamu membawa (urusan) harta itu kepada hakim, supaya kamu dapat memakan sebahagian daripada harta benda orang lain itu dengan (jalan berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui.

(Surah al-Baqarah: Ayat 188)

Jelaslah daripada firman Allah di atas, pencerobohan tanah wakaf adalah seperti menggunakan harta milik orang lain tanpa kebenaran dan secara tidak langsung ianya perbuatan yang berdosa dan amat ditegah di dalam agama Islam. Justeru itu, pencerobohan tanah wakaf tidak boleh dipandang remeh lagi pada masa kini memandangkan tanah telah menjadi sumber yang terhad bagi pembangunan di sesuatu kawasan terutamanya di bandar-bandar besar dimana tanah wakaf bagi tujuan sebagai tapak perkuburan dan wakaf masjid atau surau adalah sangat terhad.

Oleh yang demikian, secara umumnya di Malaysia pencerobohan tanah wakaf dilihat bukan sahaja boleh mengganggu proses penyelenggaraan tanah wakaf malahan juga boleh mengganggu perancangan pembangunan tanah wakaf oleh pihak Kerajaan melalui MAIN. Ini adalah kerana pihak yang menduduki atau menceroboh tanah wakaf ini sukar untuk memberikan kerjasama kepada pihak MAIN dan enggan berpindah keluar dari tapak yang diduduki serta meminta pampasan atau tanah gantian daripada pihak MAIN atau Kerajaan Negeri sekiranya mahukan mereka mengosongkan tanah tersebut (Mohd Afendi, 2012). Selain itu, pencerobohan tanah wakaf juga menyebabkan niat asal pewakaf akan terganggu dan pahalanya tidak kesampaian serta seterusnya mengakibatkan usaha untuk membantu meningkatkan pembangunan sosioekonomi untuk masyarakat Islam akan terbantut.

1.2 Isu dan Penyataan Masalah

Bagi projek-projek pembangunan di Negeri Perak, terdapat syarat daripada PBN dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kepada pemaju agar memperuntukkan sebahagian kawasan sebagai tapak rizab wakaf masjid atau surau, rizab tanah lapang, rizab khas kerajaan, rizab sekolah, rizab wakaf tapak perkuburan dan lain-lain perizaban yang mana difikirkan perlu oleh PBT bergantung kepada keperluan di sesuatu kawasan pembangunan tersebut. Bagi tapak yang telah dirizabkan sebagai rizab wakaf masjid atau surau dan rizab wakaf tanah perkuburan, tapak berkenaan akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan lazimnya tapak berkenaan akan diwartakan dengan Yang Berhormat (YB.) Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) bertindak sebagai Pegawai Pengawal dan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai Pegawai Penyelenggara. Selain itu, terdapat juga tanah wakaf masjid atau surau dan tapak perkuburan yang diberimilik atau dirizabkan kepada MAIN oleh PBN bergantung kepada keadaan semasa.

Pengurusan tanah wakaf adalah terletak di bawah pengurusan MAIN masing-masing. Di Negeri Perak, pengurusan tanah wakaf adalah terletak di bawah pengurusan Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) sebagai pemegang amanah tunggal kepada keseluruhan tanah wakaf di dalam negeri ini. Menurut data yang diperolehi daripada Sistem e-Hartanah yang dibangunkan oleh MAIPk, MAIPk menjadi pemegang amanah kepada 2817 lot tanah wakaf dengan kawasan seluas kira-kira 6,341.5069 hektar (15,670.2060 ekar) yang terdiri daripada tanah wakaf masjid, tanah wakaf surau, tanah wakaf sekolah agama rakyat (SAR), tanah wakaf kubur dan tanah wakaf am di seluruh negeri Perak. Secara umumnya, tanah wakaf MAIPk terbahagi kepada dua jenis pemilikan iaitu :-

a. Tanah wakaf yang dilupuskan secara perizaban oleh PBN

Tanah ini adalah tanah kerajaan yang boleh diperolehi dan dilupuskan bagi tujuan tertentu kepada MAIPk sebagai penyelenggara. Tanah wakaf ini akan diwartakan perizabannya melalui Warta Kerajaan dibawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negera (KTN) atau mengikut undang-undang tanah terdahulu sebagai contoh Seksyen 9, Enakmen Tanah, 1911. Bukti pemilikan MAIPk terhadap tanah-tanah wakaf ini adalah melalui Warta Kerajaan Negeri yang telah disiarkan.

b. Tanah wakaf bermilik (hakmilik)

Tanah ini adalah tanah yang diwakafkan oleh seseorang kepada MAIPk sebagai pemegang amanah atau tanah kerajaan yang dilupuskan secara pemberimilikan oleh PBN kepada MAIPk. Tanah wakaf ini mempunyai hakmilik (geran) yang didaftarkan di atas nama MAIPk dan lazimnya dikenakan cukai tanah nonimal sahaja sesuai dengan tujuannya yang tidak berasaskan kepada keuntungan. Pindaan cukai tahun 2016 oleh PBN telah menyelaraskan cukai tanah berulang bagi tanah wakaf milikan penuh MAIPk kepada hanya RM 10 selot.

Isu pencerobohan tanah wakaf ini sebenarnya telah lama berlaku tetapi kurang diberi perhatian kerana tidak sebesar pencerobohan tanah kerajaan bagi tujuan pertanian seperti yang berlaku di Cameron Highlands, Pahang seluas kira-kira 10,000 hektar (Utusan Malaysia, 3 Mac 2015). Akan tetapi, ianya perlu dilihat secara serius kerana melibatkan hukum syarak yang wajib dipatuhi dan diikuti oleh kita sebagai umat Islam. Selain itu, pencerobohan tanah wakaf juga boleh mengganggu proses pembangunan tanah wakaf kerana terdapat kes di mana penceroboh memohon bayaran pampasan yang tidak munasabah sekiranya mahu mereka keluar dengan kadar segera daripada tanah yang diduduki secara tidak sah oleh mereka (Mohd Afendi, 2012). Ini adalah kerana tidak semua tanah wakaf ini telah diusahakan dengan tujuan ianya diwakafkan kerana pelbagai faktor seperti kekangan kewangan dan tiada keperluan pembangunan ketika itu dan tanah wakaf yang tidak diusahakan ini telah menjadi sasaran kepada penceroboh untuk mengusahakan pelbagai bentuk usaha haram di atas tanah wakaf tanpa mendapat sebarang kebenaran daripada MAIPk atau PBN.

Selain itu, terdapat juga pembinaan bangunan atau infrastruktur awam seperti Dewan Orang Ramai, Perpustakaan Desa dan Gerai Desa yang dibangunkan oleh Agensi Kerajaan yang lain di atas tanah wakaf kerana faktor kekeliruan maklumat dan juga kekurangan tahap kefahaman atau pengetahuan berkaitan dengan tanah wakaf. Pembinaan bangunan atau infrastruktur yang tidak menepati tujuan wakaf adalah tidak dibenarkan sama sekali terutamanya di atas tanah wakaf khas. Sebagai contoh, bangunan masjid sahaja yang dibenarkan didirikan di tanah wakaf masjid dan bagi tanah wakaf perkuburan, penggunaan selain bagi tujuan tapak kubur adalah tidak dibenarkan melainkan mendapat kelulusan atau kebenaran daripada Jawatankuasa Fatwa Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri. Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan bertujuan untuk melihat secara mendalam mengenai punca dan bentuk pencerobohan tanah wakaf dan melihat tahap kefahaman asas responden daripada PTG, PDT dan MAIPk mengenai pencerobohan tanah wakaf. Selain itu, kajian ini turut akan mengkaji penggunaan konsep Istibdal bagi menangani masalah pencerobohan tanah wakaf berbentuk penempatan.

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mengenalpasti punca dan bentuk pencerobohan tanah wakaf serta mengkaji penggunaan konsep Istibdal dalam menangani isu pencerobohan tanah wakaf berbentuk penempatan agar kesinambungan tujuan sebenar tanah wakaf itu diwakafkan tidak terjejas dan manfaat yang akan diperolehi dapat digunakan untuk pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam.

1.4 Objektif Kajian

Untuk mencapai matlamat kajian yang ditetapkan, beberapa objektif kajian telah dikenal pasti dan disenaraikan seperti berikut:

- i) Mengenalpasti bentuk dan punca pencerobohan tanah wakaf
- ii) Mengkaji tahap kefahaman responden daripada agensi seperti PTG, PDT dan MAIPk tentang pencerobohan tanah wakaf
- iii) Mengkaji penggunaan konsep Istibdal sebagai penyelesaian pencerobohan tanah wakaf berbentuk penempatan di Negeri Perak.

1.5 Skop Kajian

Dalam kajian ini, skop kajian akan ditumpukan berdasarkan kepada objektif yang telah dirangka bagi memastikan hasil kajian akan menjadi lebih tepat. Secara amnya, kajian yang dilakukan akan mengfokuskan untuk mengenalpasti punca dan bentuk pencerobohan tanah wakaf di Negeri Perak. Selain itu, kajian juga akan melihat tahap kefahaman asas responden yang berkhidmat di tiga agensi berkaitan iaitu PTG, PDT dan MAIPk mengenai pencerobohan tanah wakaf kerana ia akan memberi gambaran secara ringkas kepada tahap kefahaman sebenar masyarakat awam termasuklah daripada Agensi Kerajaan yang lain yang tidak pernah mempunyai latar belakang berkaitan pengurusan tanah wakaf. Sebanyak 4 kawasan yang telah berlaku pencerobohan tanah wakaf berbentuk penempatan telah dipilih sebagai kawasan kajian iaitu:-

- a) Lot 1032 dan 1033, Mukim Hulu Bernam Timur, Daerah Muar
- b) Lot 6195, Mukim Batu Kurau, Daerah Larut, Matang dan Selama
- c) Lot 448, Mukim Tupai, Daerah Larut, Matang dan Selama
- d) Lot 4623, Mukim Lenggong, Daerah Hulu Perak.

1.6 Kepentingan Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenalpasti punca dan bentuk pencerobohan tanah wakaf di Negeri Perak supaya tindakan penyelesaian dapat diambil bagi mengatasi masalah ini daripada terus berlaku tanpa kawalan. Selain itu, kajian ini dirangka untuk melihat tahap kefahaman asas responden kepada pencerobohan tanah wakaf dan juga mengkaji penggunaan konsep Istibdal bagi mengatasi masalah pencerobohan tanah wakaf yang pada kebiasaannya digunakan oleh MAIN bagi tujuan pembangunan tanah wakaf yang melibatkan pengambilan tanah di bawah APT 1960 dan juga pelupusan tanah wakaf yang tidak ekonomik.

1.6.1 Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIPk)

MAIPk sebagai pemegang amanah tunggal kepada tanah wakaf merupakan pihak yang memainkan peranan penting di dalam usaha untuk mengatasi masalah pencerobohan tanah wakaf ini. Ini adalah kerana MAIPk telah dipertanggungjawabkan untuk menyelenggara dan membangunkan tanah wakaf bagi menjana pendapatan bagi kemakmuran masyarakat Islam di negeri ini. Masalah pencerobohan tanah wakaf yang berlaku ini secara tidak langsung akan menjejaskan imej MAIPk sebagai pemegang amanah tunggal bagi pengurusan tanah wakaf di Negeri Perak kerana rakyat akan beranggapan bahawa MAIPk tidak menjalankan tugas dengan baik dalam menguruskan tanah wakaf ini. Justeru itu, kaedah penyelesaian pencerobohan tanah wakaf akan menjadi lebih mudah sekiranya punca sebenar masalah ini dapat dikenalpasti dan dapat dianalisa secara menyeluruh. Oleh yang demikian, dengan kajian ini diharapkan pihak MAIPk dapat mengambil inisiatif untuk melihat sejauh mana keseriusan masalah pencerobohan tanah wakaf ini agar tindakan untuk mencari jalan penyelesaian dapat diambil dengan kadar segera dan seterusnya mengatasi perkara ini.

1.6.2 Agensi-agensi Kerajaan Berkaitan

Di antara agensi kerajaan lain yang berkaitan dengan perkara ini adalah Pejabat Tanah dan Daerah (PDT), Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Perak dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Perak (JUPEM). Ini adalah kerana tanah wakaf merupakan sebahagian daripada tanah Kerajaan menurut Seksyen 425 KTN dan tindakan siasatan mengenai pencerobohan dan penguatkuasaan berada di dalam bidang kuasa Pentadbiran Tanah Negeri dan bukannya terletak keseluruhan pada pengurusan MAIPk sahaja. Seharusnya, kerjasama di antara Pentadbiran Tanah Negeri dan MAIPk perlu diselaraskan dalam usaha mengatasi masalah ini.

Selain itu, pihak JUPEM juga secara tidak langsung boleh membantu menyegerakan pengeluaran pelan warta (PW) dan pelan hakmilik agar tanah kerajaan yang telah diluluskan oleh PBN sebagai tanah wakaf kepada MAIPk dapat segera diwartakan atau dikeluarkan hakmilik bagi menjamin pihak MAIPk mempunyai bukti ketuanpunyaan terhadap tanah wakaf tersebut sekiranya dicabar oleh pihak penceroboh.

1.6.3 Masyarakat Awam

Masyarakat awam juga berperanan dalam membantu menyalurkan maklumat-maklumat mengenai pencerobohan tanah wakaf kepada MAIPk atau PDT yang berkenaan agar tindakan siasatan dan penyelesaian dapat diambil dengan kadar segera. Selain itu, kajian ini juga boleh memberi pengetahuan kepada masyarakat awam bahawa kependudukan atau penerokaan di atas tanah kerajaan amnya dan tanah wakaf khususnya tanpa mendapat kebenaran daripada PBN adalah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 425 KTN dan Enakmen Wakaf Negeri sekiranya ada serta tindakan penguatkuasaan dan lain-lain tindakan bagi mencari penyelesaian boleh diambil oleh PDT dan MAIPk terhadap penceroboh. Manakala bagi pencerobohan ke atas tanah wakaf milik MAIPk juga menjadi kesalahan di Seksyen 340 KTN dimana MAIPk sebagai tuanpunya tanah berdaftar boleh mengambil tindakan berlandaskan perundangan sivil dan perundangan Syariah untuk mengeluarkan penceroboh dari tanah wakaf miliknya.

1.6.4 Ahli Akademik

Kajian mengenai pencerobohan tanah wakaf juga memberi kepentingan kepada ahli akademik kerana ianya boleh dijadikan sebagai satu bahan rujukan atau bahan akademik dalam pembelajaran di bawah skop kajian mengenai pencerobohan tanah wakaf. Ini adalah kerana tidak banyak kajian dilakukan mengenai perkara ini kerana pencerobohan tanah wakaf tidak begitu ketara berbanding kes pencerobohan tanah kerajaan bagi tujuan pertanian. Seterusnya juga, kajian ini juga boleh digunakan sebagai rujukan kajian akan datang di mana pengkaji lain boleh menambahbaik kajian dengan memasukan beberapa elemen baru mengikut kesesuaian dan peredaran masa.

1.7 Metodologi Kajian

Secara asasnya metodologi kajian merupakan satu aliran proses seperti yang ditunjukkan di dalam Rajah 1.1 yang mencakupi beberapa peringkat kajian dalam mencapai ke arah matlamat dan objektif kajian yang telah ditetapkan. Di dalam kajian ini, lima peringkat kajian seperti akan diaplikasikan dan dilaksanakan dalam usaha ke arah mencapai matlamat dan objektif kajian iaitu:-

1.7.1 Peringkat Kajian Awal

Pada peringkat kajian awalan, pembacaan dan pemahaman awal dalam mengenalpasti isu dan permasalahan kajian akan dilakukan secara teliti. Seterusnya, matlamat dan objektif kajian akan ditetapkan dan dimuktamadkan bagi memudahkan gerak kerja kajian seterusnya dirangka dan dilaksanakan. Sumber bahan rujukan utama

seperti jurnal, manual, buku rujukan dan rujukan daripada laman sesawang akan digunakan sebagai panduan dan rujukan kajian. Selain itu, skop kajian dan kepentingan kajian akan ditetapkan dalam membantu mencapai matlamat kajian.

1.7.2 Peringkat Kajian Literatur

Pada peringkat kajian literatur, segala bentuk kajian dan penulisan akademik terdahulu berkaitan pencerobohan tanah kerajaan dan tanah wakaf, punca dan bentuk pencerobohan, serta kaedah-kaedah penyelesaian yang boleh dilaksanakan akan dibaca, difahami dan dikaji bagi mengenalpasti isu serta permasalahan yang boleh dikupas dan dikaitkan serta dikembangkan bagi mencapai matlamat dan objektif kajian yang telah ditetapkan.

1.7.3 Peringkat Kajian Lapangan

Seterusnya, pada peringkat kajian lapangan, segala maklumat yang berkaitan dengan kajian akan dikumpul bagi mendapatkan data yang akan digunakan pada peringkat analisa data. Pengumpulan data akan melibatkan dua cara iaitu pengumpulan data primer dan data sekunder. Data primer diperolehi daripada sesi temubual dengan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan kajian ini seperti temubual bersama pegawai MAIPk, PTG Perak, PDT dan lain-lain pihak yang berkaitan.

Selain itu, tinjauan pada kawasan kajian juga akan turut dilakukan bagi mendapatkan maklumat dan keadaan sebenar di kawasan kajian. Data sekunder pula

adalah data yang diperolehi daripada laman sesawang, buku-buku ilmiah, kajian-kajian lepas, jurnal penyelidikan terdahulu, laporan tahunan, majalah dan lain-lain sumber juga akan digunakan dalam membantu untuk membuat analisa bagi memantapkan dan mengukuhkan hasil kajian yang diperolehi kelak.


1.7.4 Peringkat Analisis Data

Peringkat analisis data ini merupakan peringkat kajian yang paling kritikal kerana kesemua data primer dan sekunder yang telah diperolehi semasa peringkat kajian lapangan akan dianalisa, disemak dan ditentusahkan supaya menjadi satu bentuk data yang tepat dan jitu yang akan digunakan sebagai hasil kepada kajian yang telah dilakukan.

1.7.5 Peringkat Penemuan Kajian dan Cadangan

Peringkat penemuan kajian merupakan peringkat terakhir dalam sesuatu kajian di mana segala hasil keputusan daripada peringkat analisa data akan dikumpul, dibincangkan dan dirumuskan bagi menentukan sama ada matlamat dan objektif kajian yang telah ditetapkan pada awal kajian telah tercapai atau sebaliknya. Pada peringkat ini juga pandangan dan cadangan penambahbaikan akan turut dibincangkan secara terperinci bagi memberi kesinambungan untuk kajian pada masa akan datang oleh pengkaji-pengkaji lain yang berminat. Diharapkan dengan hasil kajian yang telah diperolehi berserta cadangan penambahbaikan yang telah dikemukakan akan dapat digunakan dan dijadikan panduan oleh agensi yang berkaitan bagi mengatasi masalah pencerobohan tanah wakaf di negara kita

Peringkat Kajian Awalan



Rajah 1. 1: Carta Alir Metodologi Kajian

1.8 Susunatur Bab

Bab satu merupakan bab pengenalan yang akan menerangkan secara ringkas mengenai kajian yang akan dijalankan. Bab ini akan menghuraikan mengenai pengenalpastian tajuk, pernyataan masalah, matlamat kajian dan objektif kajian yang akan dikaji. Selain itu, bab ini juga mengandungi skop kajian yang menerangkan secara ringkas ruang lingkup kajian, kepentingan kajian dan metodologi kajian yang akan digunakan bagi keseluruhan kajian ini.

Bab dua pula akan menfokuskan kepada kajian literatur dan teori mengenai pencerobohan tanah wakaf daripada pelbagai sumber seperti jurnal-jurnal kajian lepas, rujukan daripada laman sesawang, pekeliling-pekeling dan akta-akta Kerajaan yang masih berkuatkuasa, enakmen-enakmen Kerajaan Negeri yang berkaitan dan rujukan ilmiah yang lain. Bab ini akan menerangkan secara terperinci mengenai takrifan tanah kerajaan dan tanah wakaf, takrifan pencerobohan, takrifan Istibdal, mengenalpasti punca-punca dan bentuk-bentuk pencerobohan, mengenalpasti pihak-pihak yang berkaitan dan kuasa perundangan yang boleh digunakan bagi mengatasi pencerobohan tanah wakaf di negeri Perak.

Bab tiga pula akan menerangkan serba sedikit tentang latar belakang, fungsi dan peranan MAIPk sebagai pemegang amanah tunggal bagi tanah wakaf di Negeri Perak. Selain itu, kajian juga akan menfokuskan mengenai latar belakang kawasan kajian serta mengenalpasti lokasi, punca dan bentuk pencerobohan serta penerapan konsep Istibdal dalam mengatasi pencerobohan tanah wakaf bagi tujuan penempatan yang telah berlaku di kawasan kajian yang dipilih.

Bab empat merupakan bab yang akan menyentuh kepada pengumpulan data primer dan sekunder yang diperolehi daripada temubual yang dijalankan dan rujukan kepada bahan ilmiah. Responden yang diperolehi adalah daripada pihak yang mempunyai kaitan secara langsung dengan isu pencerobohan tanah wakaf iaitu daripada MAIPk dan Pentadbir Tanah. Setiap data daripada responden akan dianalisa dengan teliti bagi memperolehi hasil kajian yang tepat, tiada ralat dan jitu.

Bab lima merupakan bab terakhir dalam kajian ini yang akan menerangkan hasil penemuan kajian dan pencapaian kajian akan dibincangkan serta rumusan secara keseluruhan mengenai kajian akan dilakukan. Selain itu, beberapa cadangan penambahbaikan terhadap penemuan kajian akan dinyatakan dan beberapa cadangan kajian lanjutan yang boleh dilaksanakan pada kajian akan datang akan diusulkan supaya kajian mengenai perkara ini boleh ditambah baik pada masa akan datang dan tidak terhenti setakat ini sahaja.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Hussin. (2011). *Setinggalan*. Diakses pada Nov 27, 2015 dari <http://azizlaw.blogspot.my/2011/02/setinggalan.html>
- Abdul Halim Ramli dan Kamarulzaman Sulaiman (2006). Pembangunan Harta Wakaf: Pengalaman Negara-negara Islam. *Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006*, 12-14 September 2006. Jabatan Wakaf Zakat dan Haji, Hotel Legend Kuala Lumpur, 3-6.
- Abdul Rashid Abdul Rahman (16 Jun 2015). Petani Didakwa Ceroboh Tanah Kerajaan Tanpa Kebenaran Sah Di Cameron Highlands. *Utusan Malaysia*. Diakses pada Nov 27, 2015 dari <http://www.utusan.com.my>
- Afiffudin Mohamed Noor dan Mohd Ridzuan Awang (2013). Pelaksanaan Istibdal Wakaf di Negeri Kedah Darul Aman. *Islamiyyat* 35(1), 49-56
- Asiah Othman, Razani Abdul Rahim dan Khadijah Husin (2006). *Implikasi Pencerobohan Tanah Kerajaan Kajian Kes : Bandaraya Johor Bahru*. Laporan Akhir Penyelidikan Jangka Pendek, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Azizi Zakaria (2013). Pencerobohan Tanah Kerajaan – Tinjauan Dari Sudut Perundangan Tanah. *Jurnal Pentadbiran Tanah*. 3 (Bil.1), 54-61.
- Baharuddin Sayin (1998). Pentadbiran dan Pengurusan Harta Wakaf Di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Syariah*. Institut Teknologi Mara.
- Data Asas Negeri Perak 2010 – 2012. Diakses pada April 18, 2016 dari http://www.perak.gov.my/images/menu_utama/ms/rakyat/DataAsasPerak2010-2012.pdf.
- Dewi Adharina Mohd Yunus (2002). *Kajian Penguatkuasaan Terhadap Pencerobohan Tanah Kerajaan Dalam Kawasan Rezab Melayu*. Tesis Sarjana Muda Sains Pentadbiran dan Pembangunan Tanah, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004
- Enakmen Wakaf (Negeri Melaka) 2005
- Enakmen Wakaf (Negeri Selangor) 1999
- Enakmen Wakaf (Negeri Sembilan) 2005
- Enakmen Wakaf (Perak) 2015

- ILBS. *Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56/1965)*. Pindaan 10 Januari 2015. International Law Book Services.
- Islamic Aid Malaysia (IAM). *Definisi Wakaf*. Diakses pada Nov 22, 2015 dari <http://wakaf.org.my/wakaf/>
- Institut Tanah dan Ukur Negara. *Pelupusan Tanah di Bawah Kanun Tanah Negara 1965*. Diakses pada Nov 22, 2015 dari <https://www.instun.gov.my/index.php/ms/muat-turun-2/muat-turun-nota-kursus/pengurusan-dan-perundangan-tanah-1/782-siri-1-pelupusan-di-bawah-ktn-v2-pdf-1/file>
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (Jawhar) (2010). *Manual Pengurusan Istibdal Wakaf*. Jabatan Perdana Menteri (JPM).
- Kaedah-kaedah Tanah Perak 1966 (Pindaan 2010)
- Khasanah Binti Sufaat @ Supaa (2009). *Pencerobohan Tanah Kerajaan Bagi Tujuan Pertanian (Kajian Kes : Daerah Batu Pahat)*. Tesis Ijazah Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai.
- Kes Sidek bin Hj. Muhammad & 461 yang lain lwn. Kerajaan Negeri Perak (1982) 1 MLJ 313.
- Kes Senik lwn. Hassan dan yang lain (1963) MLJ 368
- Kes G Rethinasamy lwn Religious Council of Penang (1993) 2 CLJ 605.
- Kes Majlis Ugama Islam Pulau Pinang lwn Isa Abdul Rahman & Anor (1992) 1 CLJ 283
- Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak. Diakses pada 1 April 2016 dari <http://www.maiamp.gov.my/maiamp2/index.php>
- Mohd Afendi Mat Rani (2012). *Pencerobohan Tanah Wakaf : Pelaksanaan Undang-Undang Dari Perspektif Islam dan Aplikasinya di Malaysia*. Di Akses dari https://www.scribd.com/doc/81330626/Pencerobohan-Tanah-Wakaf_pada_11_April_2016.
- Pertanian haram Cameron Highlands dibersih. (3 Mac 2015). *Utusan Malaysia*. Diakses pada Nov 27, 2015 dari <http://www.utusan.com.my>
- Rusnadewi Abdul Rashid, Rohayati Hussin dan Noor Inayah Yaakub (2015). *Pencerobohan Tanah Wakaf Dari Aspek Perundangan Negara. Proceedings of the International Conference on Waqt 2015 (ICW 2015)*, May 10 – 11, 2015. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kuala Terengganu.

- Salleh Buang (2008). "Pembentukan Harta Amanah Mengikut Undang-undang di Malaysia: Sejauh manakah Undang-undang Islam Terpakai? Dlm. Siti Mashitoh Mahamood (ed) (2008), *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia, Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran*. Cet.2.Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 64
- Sallehuddin Ishak. (2013). Kuasa Menghurai Model Goodchild dan Munton (1968) dan Van Assen (2009) dalam Masalah Pembangunan Tanah Wakaf di Malaysia. *Jurnal Pentadbiran Tanah* 3 (Bil. 1), 1-24.
- Zulfadli Baharum (2014). *Kelas Pemahaman MAIPk: Wakaf*. Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak.